

PENTING/PENAFIAN**INI IALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET-ASET PENDASAR DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.****HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK**

Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum membuat permohonan dan memutuskan untuk menerima Akaun Pelaburan Berjangka (TIA-i). Pastikan anda turut membaca terma-terma dan syarat-syarat umum.

Maklumat yang diberikan hanyalah berkaitan dengan maklumat am produk ini. Terma-terma dan syarat-syarat dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk adalah bersifat tentatif/jangkaan dan boleh berubah pada bila-bila masa. Sebarang perubahan akan dimaklumkan terlebih dahulu kepada IAH.

**NAMA PRODUK:
AKAUN PELABURAN BERJANGKA (TIA-i)***Mulai 1 September 2022***MAKLUMAT RINGKAS PRODUK****1. Apakah produk ini?**

Kontrak Syariah yang Digunakan	TIA-i ialah akaun pelaburan berjangka berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan, yang dikenali sebagai kontrak <i>Mudarabah</i> .
Jenis Produk	Produk ini diklasifikasikan sebagai Akaun Pelaburan Tidak Terhad (UA). UA merujuk kepada jenis akaun pelaburan di mana Pelabur, yang juga dikenali sebagai Pemegang Akaun Pelaburan ("IAH"), membenarkan Bank membuat keputusan pelaburan mutlak tanpa meletak sebarang sekatan dan/atau syarat khusus.
Pihak yang Terlibat	Pihak-pihak yang terlibat ialah Pelabur (sebagai pengeluar modal) dan Bank (sebagai pengusaha). Bank sebagai pengurus dana akan melabur bagi pihak Pelabur. Di bawah produk ini, Pelabur tidak akan terlibat dalam sebarang aktiviti pelaburan.

KESESUAIAN PRODUK**2. Siapakah yang sesuai dengan produk ini?**

Jenis Pelanggan	i. Individu; ii. Perniagaan Tunggal.
Objektif Pelaburan	Bertujuan untuk menjana pulangan yang stabil dan konsisten sepanjang tempoh waktu pelaburan yang telah dipersetujui melalui aktiviti pelaburan yang berisiko rendah sehingga berisiko sederhana.

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

3. Apakah yang dilaburkan oleh saya?							
Strategi Pelaburan	Dana akan dilaburkan dalam aset pembiayaan patuh Syariah yang berkualiti dan terpilih iaitu Pembiayaan Hartanah-i, Pembiayaan Peribadi-i dan Pembiayaan Berjangka-i di HLISB.						
Jumlah Pelaburan	<table border="1"> <tr> <td>Minimum</td> <td>RM 500 untuk kadar niaga</td> </tr> <tr> <td>Maksimum</td> <td>RM 250,000 setiap transaksi untuk kadar niaga</td> </tr> </table>	Minimum	RM 500 untuk kadar niaga	Maksimum	RM 250,000 setiap transaksi untuk kadar niaga		
Minimum	RM 500 untuk kadar niaga						
Maksimum	RM 250,000 setiap transaksi untuk kadar niaga						
Tempoh Pelaburan	3, 6, dan 12 bulan.						
Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)	<ul style="list-style-type: none"> Sebarang keuntungan yang dijana daripada TIA-i akan dikongsi bersama antara Pelabur dan Bank berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) yang telah dipersetujui bersama. Berikut merupakan PSR untuk kadar niaga dan tempoh pelaburan: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tempoh Pelaburan</th> <th>Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) untuk Kadar Niaga (IAH: Bank)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>6-bulan & 12-bulan</td> <td>68:32</td> </tr> <tr> <td>3-bulan</td> <td>65:35</td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> PSR juga boleh berubah dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang perubahan terma dan syarat, Bank akan memaklumkan kepada Pelabur tentang perubahan tersebut melalui saluran komunikasi biasa Bank. Sekiranya lebih keuntungan dijana daripada TIA-i melebihi kadar keuntungan indikatif, Pelabur bersetuju untuk melepaskan lebih keuntungan di bawah prinsip Syariah Tanazul. Lebih keuntungan akan dimiliki oleh Bank. Tanazul merujuk kepada pelepasan hak untuk menuntut apa yang sepatutnya ditetapkan (dalam konteks ini adalah lebih keuntungan melebihi kadar keuntungan indikatif). Di bawah konsep Mudarabah, keuntungan akan dikongsi antara Pelabur dan Bank mengikut PSR yang telah dipersetujui bersama. Kerugian dalam bentuk kewangan pula akan ditanggung sepenuhnya oleh Pelabur manakala pihak Bank sebagai Pengurus Dana (Pengusaha) akan mengalami kerugian dari segi masa dan usaha sepanjang pelaburan dijalankan dan bukan dalam bentuk kewangan. Bank akan menanggung kerugian kewangan jika ia disebabkan oleh salah laku, kecuaiian, atau pelanggaran syarat yang ditetapkan oleh Bank. 	Tempoh Pelaburan	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) untuk Kadar Niaga (IAH: Bank)	6-bulan & 12-bulan	68:32	3-bulan	65:35
Tempoh Pelaburan	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) untuk Kadar Niaga (IAH: Bank)						
6-bulan & 12-bulan	68:32						
3-bulan	65:35						
Kaedah Pembayaran Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran keuntungan dikira secara harian dan dikreditkan pada penghujung tempoh pelaburan. Pembayaran keuntungan akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i / Akaun Simpanan-i (CASA-i) di Hong Leong Islamic Bank (HLISB) atau Akaun Semasa / Akaun Simpanan (CASA) di Hong Leong Bank (HLB) berdasarkan PSR yang dipersetujui. 						
Fi dan Caj	Tiada.						

Pelaburan Semula / Pembaharuan Secara Automatik	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #003366; color: white;"> <th colspan="3">Pilihan Pembaharuan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="width: 30%; text-align: center;">Pembaharuan Secara Automatik</td> <td style="width: 20%; text-align: center;">Modal Sahaja</td> <td>Hanya jumlah modal yang akan diperbaharui; Keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA/-i Pelabur di bawah HLB atau HLISB</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: center;">Modal dan Keuntungan</td> <td>Kedua-dua modal dan keuntungan akan diperbaharui</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Tanpa Pembaharuan Secara Automatik</td> <td colspan="2">Pelaburan akan matang pada akhir tempoh pelaburan. Modal dan keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA/-i Pelabur di bawah HLB atau HLISB.</td> </tr> </tbody> </table> <p>1. Pembaharuan Secara Automatik tidak diambil kira sebagai transaksi aktif. Wang yang disimpan dalam akaun pelaburan dengan aturan pembaharuan automatik akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut (RUM) selepas 7 tahun pembaharuan automatik.</p> <p>2. Jika pelaburan dalam TIA-i diperbaharui secara automatik, kadar keuntungan indikatif semasa pembaharuan automatik akan mengguna pakai kadar niaga indikatif HLISB yang sedia ada pada masa pembaharuan.</p>	Pilihan Pembaharuan			Pembaharuan Secara Automatik	Modal Sahaja	Hanya jumlah modal yang akan diperbaharui; Keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA/-i Pelabur di bawah HLB atau HLISB		Modal dan Keuntungan	Kedua-dua modal dan keuntungan akan diperbaharui	Tanpa Pembaharuan Secara Automatik	Pelaburan akan matang pada akhir tempoh pelaburan. Modal dan keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA/-i Pelabur di bawah HLB atau HLISB.	
Pilihan Pembaharuan													
Pembaharuan Secara Automatik	Modal Sahaja	Hanya jumlah modal yang akan diperbaharui; Keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA/-i Pelabur di bawah HLB atau HLISB											
	Modal dan Keuntungan	Kedua-dua modal dan keuntungan akan diperbaharui											
Tanpa Pembaharuan Secara Automatik	Pelaburan akan matang pada akhir tempoh pelaburan. Modal dan keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA/-i Pelabur di bawah HLB atau HLISB.												
Contoh Pengiraan Keuntungan	<p>Contoh pengiraan keuntungan harian adalah seperti jadual di bawah.</p> <p>Penafian: Angka hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr style="background-color: #d9e1f2;"> <th>Tarikh Pelaburan</th> <th>22 Mac 2021</th> <th>Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)</th> <th>Pelanggan : Bank 68:32</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="background-color: #d9e1f2;">Modal (Jumlah Pelaburan)</td> <td>RM 50,000</td> <td style="background-color: #d9e1f2;">Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan</td> <td>2.15% p.a.*</td> </tr> <tr> <td style="background-color: #d9e1f2;">Tarikh Matang</td> <td>22 Mac 2022</td> <td style="background-color: #d9e1f2;">Tempoh Pelaburan</td> <td>12 bulan</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan = Nisbah Perkongsian Keuntungan x Keuntungan Kasar Pengiraan Keuntungan = Modal x Peratusan Pulangan kepada Pelanggan x Bilangan Hari / 365 <p>Keuntungan Dibayar kepada Pelanggan = RM 50,000 x 2.15%* x 365/365 = RM 1075</p> <p><i>*Sekiranya terdapat perubahan terhadap Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar keuntungan indikatif untuk langganan baru (selepas perubahan OPR) mungkin akan ditukar.</i></p>	Tarikh Pelaburan	22 Mac 2021	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)	Pelanggan : Bank 68:32	Modal (Jumlah Pelaburan)	RM 50,000	Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan	2.15% p.a.*	Tarikh Matang	22 Mac 2022	Tempoh Pelaburan	12 bulan
Tarikh Pelaburan	22 Mac 2021	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)	Pelanggan : Bank 68:32										
Modal (Jumlah Pelaburan)	RM 50,000	Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan	2.15% p.a.*										
Tarikh Matang	22 Mac 2022	Tempoh Pelaburan	12 bulan										
Pengeluaran Pramatang	<ol style="list-style-type: none"> Penebusan sebahagian tidak dibenarkan (iaitu pengeluaran sebahagian daripada pelaburan adalah tidak dibenarkan). Pengeluaran sebelum tarikh matang hanya dibenarkan dengan syarat berikut; <ul style="list-style-type: none"> Tiada keuntungan akan dibayar sekiranya TIA-i tidak mencapai tempoh matang yang telah ditentukan. 												


Pembukaan Akaun	<ol style="list-style-type: none"> Untuk pemilik CASA/-i sedia ada di bawah pemegang akaun HLB atau HLISB, langganan TIA-i boleh dibuat melalui HLB Connect. Jika tiada CASA/-i di bawah HLB atau HLISB, Pelabur dikehendaki membuka CASA/-i di mana-mana kaunter cawangan HLB atau HLISB. Alternatif lain adalah para Pelabur boleh memohon pembukaan akaun secara atas talian melalui Apply@HLB dan ikut langkah yang telah ditetapkan. Pelabur akan diberikan akses kepada HLB Connect untuk melanggan TIA-i.
Pengeluaran TIA-i	<ol style="list-style-type: none"> Pengeluaran TIA-i hanya boleh dibuat melalui HLB Connect. Jumlah pengeluaran tersebut akan dikreditkan serta-merta ke dalam CASA/-i Pelabur di bawah HLB atau HLISB. Bank boleh menggantung sebarang pengeluaran di bawah sebarang keadaan yang berkecuali (cth., pelanggaran kontrak, kegagalan pasaran secara menyeluruh, dsb.) dan/atau bertindak untuk menjaga kepentingan Pelabur.
Perlindungan PIDM	Produk ini <u>TIDAK</u> dilindungi oleh PIDM.

4. Apakah hasil yang mungkin diperoleh daripada pelaburan saya?

- Pelabur berpotensi untuk menerima pulangan yang lebih tinggi berbanding deposit berjangka/tetap, bergantung kepada prestasi aset pendasar pelaburan.
- Namun, modal dan pulangan pelaburan **TIDAK** dijamin sekiranya TIA-i mengalami kerugian atau tidak mencapai prestasi seperti yang dijangkakan.

- **Sejarah Prestasi Dana**

Akaun Pelaburan Berjangka-i



Graf menunjukkan Pulangan Kasar sebelum Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) untuk Akaun Pelaburan Berjangka-i dari **Mac 2019 sehingga Mac 2022**. Pulangan Kasar ialah jumlah pulangan yang diperoleh daripada pelaburan dalam aset pembiayaan sebelum pengagihan keuntungan antara pihak Pelabur dan Bank.

Untuk laporan lanjut mengenai prestasi dana TIA-i, anda boleh merujuk kepada Laporan Prestasi Dana (Runcit) untuk suku tahunan TIA-i yang diterbitkan di [sini](#).

Penafian: Graf di atas menunjukkan sejarah pulangan kasar dana dari Mac 2019 sehingga Mac 2022 dan BUKAN gambaran sebenar prestasi akan datang.

- Jangkaan Keuntungan dan Kerugian (Nilai Pelaburan RM 50,000)**

Simulasi Pasaran Terbaik		Simulasi Pasaran Terburuk		Simulasi Pasaran Asas	
Tarikh	Mac 2019	Tarikh	Mac 2022	Tarikh	Mac 2020
OPR	3.25%	OPR	1.75%	OPR	2.50%
Kadar Keuntungan Pelabur untuk tempoh pelaburan 3 bulan	*3.25%	Kadar Keuntungan Pelabur untuk tempoh pelaburan 3 bulan	*1.75%	Kadar Keuntungan Pelabur untuk tempoh pelaburan 3 bulan	*2.50%

*Angka hanya untuk tujuan ilustrasi

Nota:

Senario Pasaran Terbaik dan Terburuk adalah berdasarkan data 10 tahun lepas daripada Bank Negara Malaysia (BNM) iaitu tahap tertinggi (Mac 2019) dan terendah (Mac 2022) Kadar Dasar Semalaman (OPR), yang diandaikan memberi kesan langsung kepada pulangan melalui pemindahan penuh kenaikan/penurunan OPR kepada pulangan portfolio, dengan mengandaikan semua faktor lain kekal sama.

PENILAIAN

Bank akan melakukan penilaian ke atas aset-aset pendasar Dana selaras dengan amalan industri terbaik dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") secara bulanan.

Laporan prestasi Dana akan tersedia bersama penyata kewangan suku tahunan melalui laman sesawang di [sini](#).

RISIKO UTAMA
5. Apakah risiko utama yang terkait dengan produk ini?

(a) Risiko Kehilangan Modal	Produk ini berisiko kehilangan jumlah pelaburan asal (modal) secara penuh. Bagi mengawal risiko ini, pihak Bank akan laburkan Dana dalam pelbagai portfolio aset pembiayaan Bank yang berisiko rendah. Pihak Bank juga akan menggunakan teknik pengurusan pelaburan yang baik. Selain itu, pihak Bank akan melaksanakan pengimbangan semula portfolio untuk memastikan aset-aset yang tidak lagi menepati strategi dan objektif Dana akan diimbangi semula. Pengimbangan semula portfolio merupakan proses penyemakan pecahan kelas aset dalam portfolio untuk mengekalkan tahap risiko pelaburan yang diinginkan.
(b) Risiko Pasaran	Risiko pasaran ialah risiko pelabur berkemungkinan untuk mengalami kerugian berpunca daripada faktor-faktor yang menjejaskan pasaran kewangan secara menyeluruh. Hal ini mungkin akan mempengaruhi prestasi aset-aset pendasar utama secara langsung mahupun tidak langsung. Pihak Bank akan memantau dan menguruskan pendedahan risiko pasaran menggunakan sistem pengurusan risiko yang sedia ada. Hal ini membolehkan pihak Bank untuk mengurus kedudukan dana dengan efektif dalam lingkungan rangka kerja risiko yang telah diluluskan.
(c) Risiko Kecairan	Risiko kecairan ialah risiko pihak Bank tidak dapat untuk memenuhi permintaan pengeluaran jangka pendek daripada Pelabur. Berdasarkan rekod aktiviti pengeluaran Pelabur yang terdahulu, pihak Bank akan menjalankan ujian tekanan (' <i>stress test</i> ') dan membangunkan kaedah bagi mengurus risiko kecairan. Ujian tekanan (' <i>Stress testing</i> ') ialah teknik yang digunakan untuk menguji keupayaan sesuatu pelaburan untuk menghadapi pelbagai situasi kewangan pada masa hadapan. Sebarang ketidakpadanan jumlah aliran wang keluar dan jumlah aliran wang masuk daripada portfolio akan dianalisis dan dipantau di bawah peruntukan rangka kerja kecairan yang disyorkan oleh pihak BNM. Kerugian yang berpotensi untuk dialami bagi Pelabur disebabkan risiko kecairan adalah kemungkinan mendapat pulangan yang lebih rendah dan kehilangan modal.
(d) Risiko Kredit	Risiko ini mungkin timbul apabila sebahagian besar daripada jumlah aset dana mengalami kegagalan pembiayaan. Hal ini akan diuruskan oleh pihak Bank melalui pemilihan teliti portfolio aset layak yang pelbagai dan pemantauan rapi prestasi aset-aset yang terpilih untuk memastikan pelaburan mematuhi strategi dan objektif dana.
(e) Risiko Keputusan Pelaburan	Risiko ini terjadi sekiranya pergerakan pasaran tidak sejajar dengan peruntukan aset-aset yang dilaburkan. Oleh itu, pemilihan secara berhati-hati dan pengurusan pentadbiran yang ketat akan dilaksanakan oleh pihak Bank dalam proses mencapai keputusan pelaburan.
(f) Risiko Tidak Patuh Pengawalseliaan	Situasi ini berlaku apabila pelaburan gagal mematuhi parameter pelaburan yang ditetapkan oleh pengawal selia yang berkenaan. Risiko ini akan diuruskan oleh pihak Bank melalui pelaksanaan polisi dan prosedur Bank secara keseluruhannya.
(g) Risiko Tidak Patuh Syariah	Risiko ini berlaku apabila Bank gagal untuk mematuhi peraturan dan prinsip Syariah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah Bank atau majlis pengawal selia yang berkenaan. Pihak Bank akan memantau, dengan bimbingan Jawatankuasa Syariah Bank untuk memastikan pelaburan mematuhi peraturan dan prinsip Syariah.
(h) Risiko Negara	Kestabilan politik dan ekonomi negara boleh mempengaruhi pertumbuhan dan prestasi aset pelaburan.
(i) Risiko Industri / Sektor	Setiap industri/sektor terdedah kepada pelbagai elemen risiko. Oleh itu, kepelbagaian aset dan pemilihan teliti terhadap sesuatu industri/sektor adalah penting bagi Bank dalam menguruskan risiko-risiko tersebut.

'Anda dinasihatkan untuk mempertimbangkan dengan teliti semua faktor risiko sebelum membuat keputusan pelaburan'

MAKLUMAT HUBUNGAN**6. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya menukar butiran hubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan maklumat hubungan anda untuk memastikan segala komunikasi dapat kami sampaikan tepat pada masanya. Anda boleh mengemaskini butiran hubungan anda melalui HLB Connect.

7. Siapakah yang patut saya hubungi untuk maklumat lanjut atau membuat aduan?


- 1. Jika ada mempunyai sebarang pertanyaan, aduan atau komen: - Sila hubungi, tulis, e-mel atau faks kami di: Service Recovery & Complaint Resolution - Customer Experience**
Hong Leong Islamic Bank Berhad,
13A Floor, Menara Hong Leong,
No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
Telefon: 03-7626 8899 **Fax:** 03-7946 8888 **E-mel:** HLOnline@hlbb.hongleong.com.my
- 2. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan atau proses penyelesaian pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di: Bank Negara Malaysia LINK or BNMTELELINK**
Alamat: Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia, P.O Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.
Telefon: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

8. Bagaimanakah cara untuk saya melanggan TIA-i?


Ikut langkah-langkah ini untuk melanggan Akaun Pelaburan Berjangka-i




Log masuk ke www.hongleongconnect.my




Klik 'Apply' > 'Investment Account-i' > 'Create Account/New Subscription'




Lengkapkan bahagian 'Suitability Assessment' untuk menilai profil risiko anda



Pilih 'Term Investment Account-i' dan klik 'Subscribe'



Pilih 'Yes' daripada menu drop-down > masukkan butiran langganan dan klik 'Next'



Masukkan TAC dan klik 'Submit'. Simpan resit untuk rujukan.

PERINGATAN

PULANGAN DARIPADA AKAUN PELABURAN INI DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PENDASAR. MODAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN MENGHADAPI RISIKO TIDAK MENDAPAT SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN INI DIKELUARKAN AWAL, PELANGGAN MUNGKIN AKAN KEHILANGAN SEBAHAGIAN ATAU KESEMUA JUMLAH MODAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM).

Maklumat di dalam helaian pendedahan ini sah mulai 1 September 2022